



# LAPORAN DANA TAKAFULINK 2011

Laporan dan Penyata Takafulink  
untuk tahun berakhir 31 Disember 2011

**PRUDENTIAL BSN**

TAKAFUL

# TAKAFUL

## UNTUK SEMUA, UNTUK KEHIDUPAN

PruBSN berpegang kepada falsafah perniagaan yang mengutamakan ciri-ciri inovasi dan dinamik. Amalan ini membolehkan kami memenuhi keperluan anda secara cekap dan berkesan. Ini terbukti melalui produk-produk Takaful kami yang inovatif dan ulung, dibangunkan hasil kerjasama yang efektif antara warga kerja, para ejen, rakan niaga serta anda, pelanggan kami. Falsafah ini membolehkan kami melindungi anda dengan menyediakan produk dan perkhidmatan yang terbaik untuk anda dan yang tersayang demi meningkatkan lagi mutu kehidupan anda.

Prudential BSN Takaful. Untuk Semua. Untuk Kehidupan.



PruBSN  
TakafulLink



PruBSN  
SmartLink



PruBSN  
FirstLink



Takaful  
Health2



PruBSN  
ProtectPlus



PruBSN  
CrisisCover



PruBSN  
Ummah

## Pemegang Sijil yang Dihormati,

Kami berbesar hati untuk menyampaikan kepada anda Laporan Dana-dana Takafulink 2011 bagi Prudential BSN Takaful Berhad. Versi penuh laporan ini boleh didapati dalam laman web kami di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my).

## Kandungan

- 2 Perutusan dari Ketua Pegawai Eksekutif
- 4 Objektif Dana
- 5 Ulasan Pelaburan
- 9 Prestasi Dana
- 10 Tinjauan Pelaburan
- 14 Sorotan Kewangan
- 26 Penyata Aset dan Liabiliti
- 31 Penyata Pertukaran dalam Nilai Aset Bersih
- 35 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
- 39 Nota-nota kepada Akaun
- 41 Laporan Pengarah
- 42 Laporan Juruaudit Bebas

# PERUTUSAN DARI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

“Dana Takafulink utama kami iaitu Dana Takafulink Dana Ekuiti telah mencatatkan pulangan yang kukuh sebanyak 8.49%, menjadikan ia dana ekuiti yang terbaik pada tahun 2011.”

**Azim Mithani**

*Ketua Pegawai Eksekutif, Prudential BSN Takaful Berhad*



## Pemegang Sijil Takafulink PruBSN yang dihormati,

### Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Saya amat berbangga untuk membentangkan Laporan Tahunan Takafulink 2011 kepada anda. Saya berharap laporan ini akan menjadi rujukan penting bagi anda menyemak semula keperluan dan matlamat kewangan anda.

Tahun 2011 merupakan satu tahun yang mencabar untuk kedua-dua ekonomi global dan Malaysia, berikutan cabaran krisis perhutangan di Eropah. Walaubagaimanapun, Malaysia mencatatkan pertumbuhan KDNK yang sihat sebanyak 5.2%, satu catatan yang hanya rendah sedikit berbanding tahun sebelumnya.

Perniagaan kami telah kekal bertahan dengan jumlah Sumbangan Tahunan Setara (ACE atau *Annual Contribution Equivalent*) sebanyak RM 231 juta pada 2011 yang mewakili pertumbuhan sebanyak 29% dan bahagian pasaran sebanyak 28.8%. Saya amat berbangga untuk memaklumkan kepada anda bahawa kami merupakan Pengendali Takaful Nombor 1 di Malaysia berdasarkan keputusan perniagaan baru (ACE).

Pada masa yang sama, dana-dana kami juga telah mencapai prestasi yang baik dalam 2011. Dana Takafulink utama kami iaitu Dana Takafulink Dana Ekuiti telah mencatatkan pulangan yang kukuh sebanyak 8.49%, mengatasi tanda aras rasmi kami sebanyak 6.08%, menjadikan ia dana ekuiti yang terbaik pada tahun 2011<sup>1</sup>. Dana Takafulink Dana Bon dan Takafulink Dana Urus juga mencatatkan pulangan yang mengagumkan sebanyak 4.89% dan 7.49% masing-masing<sup>1</sup>. Malah, Dana Takafulink Dana Urus kami juga menduduki tempat pertama berbanding dana-dana urus yang seumpamanya dalam industri. Anda boleh mendapat maklumat lebih lanjut mengenainya di dalam laporan ini.

Untuk keputusan hebat sedemikian, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada anda atas keyakinan dan kepercayaan anda terhadap kami. Hanya dengan sokongan anda kami dapat mencapai tahap prestasi ini. Kami kekal yakin bahawa kami boleh terus membangun berdasarkan kejayaan lampau kami, untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada anda, pelanggan kami, yang merupakan teras kepada segala usaha kami. Terima kasih sekali lagi atas sokongan anda yang berterusan.

Saya mendoakan kesihatan, kemakmuran dan keamanan untuk anda pada tahun 2012!

<sup>1</sup> Sumber: Lipper IM (Tarikh terbitan: 10 Januari 2012), prestasi untuk 1 tahun Januari hingga Disember 2011.

## OBJEKTIF DANA

*Takafulink Dana Ekuiti* bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam saham kelulusan Syariah berkualiti tinggi yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

*Takafulink Dana Bon* bertujuan untuk menyediakan pengumpulan modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam Sekuriti Hutang Swasta Islam (IPDS atau *Islamic Private Debt Securities*) dan Kemudahan Pembiayaan Islam (IFF atau *Islamic Financing Facilities*) yang terpilih.

*Takafulink Dana Urus* bermatlamat untuk memaksimumkan pulangan dalam tempoh sederhana hingga panjang dengan melabur dalam saham kelulusan Syariah dan Sekuriti Hutang Swasta Islam (IPDS) dan Kemudahan Pembiayaan Islam (IFF) melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon serta dalam mana-mana dana Takafulink lain sedemikian yang mungkin disediakan pada masa hadapan.

*Takafulink Dana Ekuiti* Dinasti bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan modal jangka panjang dengan melabur dalam pelaburan kelulusan Syariah dengan pendedahan ke rantau China Besar.

# ULASAN PELABURAN

## Pasaran Ekuiti

Pasaran bermula dengan kukuh pada tahun 2011 dengan FBM KLCI mencecah tahap tinggi yang baru pada 1,574.49 namun menurun akibat pengambilan keuntungan, sebelum Tahun Baru Cina. Bulan Februari dan Mac membawa banyak kebimbangan dan ketidakpastian kepada pasaran Malaysia dengan ketidakstabilan berterusan di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA atau *Middle East and North Africa*) dan peningkatan harga minyak. Laporan korporat untuk tahun lengkap 2010 tidak mengagumkan dengan lebih banyak kekecewaan daripada kejutan positif. Pada 11 Mac 2011, gempa bumi dan bencana tsunami yang berikutannya di Jepun menyebabkan pasaran ekuiti menyelaraskan secara global akibat daripada ketidakpastian yang semakin bertambah.

Pada suku kedua 2011, sentimen dalam pasaran ekuiti global terus dilembapkan oleh masalah perhutangan Greece. Namun demikian, prestasi pasaran saham Malaysia adalah agak baik, didorong oleh keterangsangan saham perbankan di mana Penggabungan dan Pemerolehan menjadi tema bulan Jun. Juga dalam bulan Jun, penyenaian MSM Holdings yang disenaraikan pada tahap premium sebanyak 40% pada hari pertama membantu mendorong pasaran untuk menutup pada paras yang lebih tinggi pada suku kedua 2011 berbanding dengan paras tinggi sebelum itu yang disaksikan pada 17 Januari 2011.

Suku ketiga 2011 bermula dengan mantap di mana Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI atau *Kuala Lumpur Composite Index*) mencecah paras yang paling tinggi. Walau bagaimanapun, pengambilan keuntungan bermula dengan segera setelah pasaran *Wall Street* dan Eropah mengalami tekanan penjualan pada pembaharuan kebimbangan mengenai masalah perhutangan mereka. Di Amerika Syarikat, kami menyaksikan kehilangan penarafan "Triple A" buat kali pertama dalam sejarah dan pengumuman pilihan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat untuk "Operasi Putaran" ("*Operation Twist*") yang menyebabkan pembalikan membawa dagangan USD selama 2 tahun. Kekurangan haluan polisi sebagai tindak balas kepada krisis perhutangan Eropah juga membebankan pasaran tempatan. Dari segi domestik, pasaran saham Malaysia terjejas secara negatif oleh perhimpunan Bersih pada 9 Julai yang telah membangkitkan semula kebimbangan mengenai ketidakpastian politik. Sentimen juga dibebankan oleh keputusan korporat yang mengecewakan. Banyak saham Syarikat Berkaitan Kerajaan bermodal besar seperti Tenaga, Axiata, MISC, Petronas Chemicals, CIMB, MAS dan Proton melaporkan keputusan di bawah jangkaan. Sebaliknya, Penggabungan dan Pemerolehan terus mengambil tempat utama di mana syarikat daripada sektor hartanah dan kewangan mengumumkan tawaran pembelian berpotensi.

## ULASAN PELABURAN

### Pasaran Ekuiti *(samb.)*

KLCI membuat pemulihan yang kukuh pada awal suku keempat 2011 berikutan pembaharuan keyakinan di Eropah di mana penyelesaian krisis perhutangan di Eropah hampir dicapai di sidang kemuncak Kesatuan Eropah (EU atau *European Union*) yang berlangsung pada 23 Oktober 2011. Walau bagaimanapun, KLCI kemudiannya membuat pembetulan dengan ketara pada pertengahan November ketika pertambahan ketidakpastian di EU akibat daripada peralihan dalam kerajaan di Itali, Greece dan Sepanyol, dan potensi kesan penularan. Sentimen juga dilembapkan oleh kegagalan “jawatankuasa tertinggi” (“*super committee*”) Kongres Amerika Syarikat untuk mencapai persetujuan mengenai cara memperoleh penjimatan kos USD2.1 trilion dalam bajet yang akan menyebabkan pemotongan perbelanjaan secara menyeluruh di 2013. Walaupun kekecewaan dari Sidang Kemuncak EU pada 9 Disember 2011 di mana pelabur telah mengharapkn suatu penyelesaian yang lebih kukuh untuk krisis perhutangan Euro, pasaran telah disokong oleh aktiviti hiasan luaran. Dari segi domestik, keputusan pada musim laporan suku ketiga 2011 adalah selaras atau kurang daripada jangkaan secara am dengan laporan beberapa syarikat telah mencatat tahap tinggi secara mengejut. Bajet 2012 yang diumumkan pada 7 Oktober 2011 akan lebih memanfaatkan pekerja berpendapatan rendah, kakitangan awam, sektor pengguna dan pendidikan.

Pada tahun di bawah tinjauan, FBM KLCI tutup pada 1,530.73 mata. Ia meningkat secara marginal sebanyak 0.78% semasa tempoh di bawah tinjauan di mana ia mengatasi prestasi pasaran serantau dengan luas.

### Pasaran Bon

Pada 27 Januari 2011, BNM memutuskan untuk mengekalkan Kadar Polisi Semalaman (OPR atau *Overnight Policy Rate*) pada 2.75%. Suruhanjaya Polisi Kewangan (MPC atau *Monetary Policy Committee*) telah menganggap polisi kewangan masa kini adalah sesuai dan konsisten dengan penilaian terkini terhadap perkembangan ekonomi dan prospek inflasi. Sementara BNM memutuskan untuk mengekalkan Kadar OPR pada 2.75% pada 11 Mac 2011, MPC menyatakan bahawa polisi kewangan dijangka akan tetap menyokong perkembangan, tetapi tahap penyesuaian kewangan mungkin disemak semula memandangkan perkembangan berterusan dalam ekonomi dan risiko inflasi. BNM juga mengumumkan peningkatan Nisbah Keperluan Simpanan Statutori (SRR atau *Statutory Reserve Requirement*) dari 1.00% kepada 2.00% berkuat kuasa dari 1 April 2011 dan menjelaskan bahawa pertukaran SRR tersebut bukanlah satu isyarat pendirian polisi kewangan tetapi adalah langkah terlebih dahulu untuk mengurangkan risiko peningkatan kecairan akibat daripada pengaliran modal ke dalam ekonomi baru muncul Asia.



## ULASAN PELABURAN

### Pasaran Bon *(samb.)*

Dalam keadaan pendapat pasaran berbelah bahagi, BNM telah meningkatkan OPR sebanyak 25 bps kepada 3.00% pada Mei 2011 setelah mengekalkannya tanpa pertukaran dalam 4 mesyuarat Suruhanjaya Polisi Kewangan (MPC atau *Monetary Policy Committee*) berturut-turut. Pernyataan Polisi Kewangan (*Monetary Policy Statement*) menyatakan bahawa walaupun pemulihan global dijangka akan berterusan, risiko ke bawah telah meningkat diakibatkan oleh potensi harga tenaga dan komoditi yang lebih tinggi, kemungkinan gangguan pembekalan berikutan pembangunan di Jepun dan penambahan ketidaktentuan dalam pengaliran modal ke ekonomi baru muncul. Dari segi domestik, faktor permintaan mungkin memberi lebih tekanan kepada harga dalam separuh tahun kedua 2011. BNM juga meningkatkan Nisbah Keperluan Simpanan Statutori (SRR) dari 2.00% kepada 3.00% berkuat kuasa dari 16 Mei 2011 sebagai langkah terlebih dahulu untuk menguruskan peningkatan kecairan ketara yang mungkin menyebabkan ketidakseimbangan kewangan dan mewujudkan risiko kepada kestabilan kewangan.

Di mesyuarat MPC pada Julai dan September, BNM memutuskan untuk mengekalkan OPR pada 3.00% tanpa membuat sebarang pertukaran dengan menyatakan bahawa kebimbangan yang bertambah mengenai risiko permintaan luaran boleh membawa kepada momentum eksport yang lembap. BNM menjangka inflasi akan kekal agak stabil untuk sepanjang tahun dengan inflasi tolakan kos dijangka akan meningkat pada kadar beransur-ansur. Nisbah SRR juga ditingkatkan dari 3.00% kepada 4.00% di Julai.

Di mesyuarat MPC pada 11 November, BNM berpegang kepada Kadar Polisi Semalaman (OPR) pada 3.00% dengan menyatakan bahawa sedangkan ekonomi Malaysia dijangka akan berkembang, pembangunan luaran yang lemah boleh menjejaskan prospek perkembangan keseluruhan ekonomi domestik. Inflasi dijangka akan kekal stabil untuk sepanjang tahun dan menyerdana memasuki tahun 2012.

Untuk tempoh di bawah tinjauan, hasil bon berdaulat 3, 5 dan 10 tahun bertukar kepada -13 bps, -12 bps dan -31 bps untuk menutup pada 2.98%, 3.22% dan 3.69% masing-masing. Bon Kerajaan menyemarakkan separuh tahun kedua sementara BNM mengekalkan OPR pada kadar 3.00% dengan menyatakan tinjauan ekonomi global dan domestik yang lembap serta inflasi yang sederhana.

Hasil bon korporat secara am bergerak seiring dengan hasil bon berdaulat walaupun pada susulan. Aktiviti dalam pasaran bon korporat disokong oleh kecairan yang mencukupi dan persekitaran kredit yang bertambah baik.

### Asia

Pasaran bermula dengan kukuh pada tahun 2011 bersandarkan pada optimisme bahawa ekonomi global menghala ke laluan pemulihan. Kemudiannya, suatu siri peristiwa iaitu peningkatan harga minyak, pergolakan politik di Afrika Utara dan Timur Tengah serta gempar bumi di Jepun yang dahsyat melemahkan keyakinan dengan segera.

Dengan kelanjutan tahun, pelabur terpaksa bergelut dengan kebimbangan terhadap perkembangan dan masalah fiskal Amerika Syarikat, krisis perhutangan Eropah yang meningkat, inflasi yang lebih tinggi dan jangkaan kadar faedah yang kian meningkat di Asia. Kebimbangan bahawa China mungkin mengalami landasan yang sukar akibat daripada pengetatan polisi keterlaluan juga menjejaskan sentimen.

Pada pengakhiran tahun, kebanyakan pasaran ekuiti di rantau Asia Pasifik tidak termasuk Jepun berupaya meraih sedikit pendapatan dengan pemulihan sebahagian besar daripada kerugian besar menyeluruh yang dicatatkan dalam November. Tindakan China memotong nisbah keperluan simpanannya untuk bank buat pertama kali semenjak tahun 2008 dan tindakan yang selaras oleh enam daripada bank pusat dunia untuk memotong kos pendanaan bagi peminjam Eropah telah membantu meningkatkan pasaran. Suatu siri data ekonomi Amerika Syarikat yang menggalakkan meningkatkan optimisme dan memadamkan kebimbangan terhadap krisis perhutangan Eropah akan menghakiskan perkembangan global.

Walau bagaimanapun, tahun tersebut ditandakan dengan ketidaktentuan pasaran yang melampau di mana para pelabur bertukar di antara mod mengambil risiko dan menghindar risiko. MSCI Asia tidak termasuk Jepun mencatatkan suatu penurunan sebanyak 17.98%. India merupakan pasaran dengan prestasi yang paling teruk di mana prestasinya adalah di bawah negara serantaunya. Ini adalah akibat daripada isu-isu yang merangkumi inflasi, kekurangan tindakan polisi dan kelembapan ekonomi. Tekanan inflasi berterusan mencetuskan suatu siri peningkatan kadar oleh *Reserve Bank of India*. Akibatnya, angka perkembangan ekonomi telah diturunkan beberapa kali sepanjang tahun. Sebaliknya, pasaran ekuiti di Asia Tenggara seperti Malaysia, Filipina dan Indonesia di mana kadar inflasi adalah di bawah zon sasaran bank pusat mereka, muncul dengan prestasi yang amat baik.

## PRESTASI DANA

### ***Takafulink Dana Ekuiti***

Pada 31 Disember 2011, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat sebanyak 8.50% ke RM1.5259 berbanding dengan RM1.4064 pada 31 Disember 2010.

Semenjak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 52.48%.

### ***Takafulink Dana Bon***

Pada 31 Disember 2011, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana meningkat ke RM1.2317 dari RM1.1744 pada 31 Disember 2010, mencatat pulangan sebanyak 4.88% untuk tempoh di bawah tinjauan.

Semenjak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 23.13%.

### ***Takafulink Dana Urus***

Pada 31 Disember 2011, Nilai Aset Bersih setiap unit Takafulink Dana Urus adalah pada RM1.4669 berbanding dengan RM1.3647 pada 31 Disember 2010, mencatat pulangan sebanyak 7.49% untuk tempoh di bawah tinjauan.

Sejak penubuhannya (1 Disember 2006), Dana telah mencatatkan pulangan positif sebanyak 46.60%.

### ***Takafulink Dana Ekuiti Dinasti***

Pada 31 Disember 2011, Nilai Aset Bersih setiap unit Dana telah menyusut sebanyak 11.33% kepada RM0.9700 berbanding dengan RM1.0940 pada 31 Disember 2010.

Sejak penubuhannya (5 April 2010), Dana telah mencatatkan pulangan kurang baik sebanyak 3.00%.

*Dana-dana Takafulink adalah mematuhi Syariah.*

## TINJAUAN PELABURAN

### Ekuiti

Tahun 2012 akan terus menghadapi pelbagai ketidakpastian dengan isu yang belum diselesaikan pada tahun 2011 berterusan ke tahun 2012. Pasaran akan terpaksa berhadapan dengan kemungkinan ketidaktentuan dari segi politik di mana banyak negara akan mengadakan pilihan raya mereka sepanjang tahun tersebut yang mungkin menyebabkan pertukaran dalam polisi.

Dari segi domestik, Malaysia akan terus mengambil petunjuk daripada isu berkenaan dengan persekitaran luaran. Kami menjangka perbelanjaan konsumer kekal bertahan buat masa kini di mana “ganjaran” dari Bajet 2012 akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2012, seperti peningkatan gaji sebanyak 7-13% untuk kakitangan kerajaan dan pembayaran sekali gus. Pemangkin untuk bulan-bulan yang akan datang termasuk kemungkinan berlakunya Pilihan Raya Umum. Tahun 2012 juga akan menyaksikan, di antara lain, kemungkinan penyeranaian unit penjagaan kesihatan Khazanah dan Felda Global Ventures. Penggabungan dan Pemerolehan akan terus menjadi tema tahun 2012.

Sementara kami yakin bahawa pertumbuhan pendapatan korporat mungkin berada pada tahap yang rendah, kami tetap berjaga-jaga terhadap ekuiti Malaysia memasuki tahun 2012 memandangkan ketidakpastian global yang ketara.

Isu global pada masa kini akan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan dan dijangka akan menjadi lebih rumit, kemungkinannya dalam bentuk perubahan politik dengan banyak pilihan raya dijadualkan akan berlaku secara global dalam tahun 2012. Walau bagaimanapun, peristiwa-peristiwa ini akan mewujudkan peluang untuk mengatasi prestasi dalam masa jangka panjang.

Untuk masa hadapan, kami terus menyokong strategi pelaburan bawah ke atas di mana pemilihan saham taktikal akan mendorong dana untuk mengatasi prestasi. Kami akan terus mencari syarikat berpendapatan stabil, kompetitif dalam pasaran tempatan atau luar negeri, telus dan mempunyai rekod prestasi tadbir urus korporat yang baik.

### Bon

Dalam mesyuarat MPC pada 31 Januari 2012, Bank Negara Malaysia memutuskan untuk mengekalkan kadar polisi semalaman (*overnight policy rate* atau OPR) pada 3.0%, sambil menekankan bahawa pembangunan luaran yang lemah boleh menjejaskan prospek perkembangan keseluruhan ekonomi domestik. Dengan inflasi dijangka menyederhana dalam tahun 2012, kami berpendapat bahawa OPR, pada kemungkinan besar akan turun dalam tahun 2012.

Kadar Ringgit telah turun naik dalam beberapa minggu yang lalu akibat penghindaran risiko yang bertambah, dan dijangka akan berterusan dalam tempoh yang dekat memandangkan krisis perhutangan Eropah yang meningkat .

Pembekalan dan aktiviti dalam bon korporat dijangka meningkat di mana Pengeluar akan mengambil kesempatan daripada taha kadar faedah yang rendah untuk mengumpul dana.

Pasaran bon terus disokong oleh kecairan domestik yang mencukupi dan persekitaran kredit yang bertambah baik.

### ASIA

#### Tinjauan Pasaran

Pasaran bermula pada tahun 2011 secara positif disandarkan oleh optimisme di mana ekonomi global sedang mengahala ke arah pemulihan. Walau bagaimanapun, beberapa peristiwa telah berlaku: peningkatan harga minyak, pergolakan ekonomi di Afrika Utara dan Timur Tengah serta gempa bumi yang dahsyat di Jepun yang melemahkan keyakinan dengan cepat.

Apabila tahun berlanjutan, para pelabur terpaksa bergelut dengan kebimbangan terhadap perkembangan dan masalah fiskal Amerika Syarikat, krisis perhutangan Eropah yang bertambah, inflasi yang lebih tinggi dan jangkaan kadar faedah yang kian meningkat di Asia. Kebimbangan bahawa China mungkin mengalami landasan yang sukar akibat pengetatan polisi yang keterlaluan juga telah menjejaskan sentimen.

Pada pengakhiran tahun tersebut, kebanyakan pasaran ekuiti di rantau Asia Pasifik tidak termasuk Jepun berupaya meraih sedikit pendapatan dengan pemulihan sebahagiannya daripada kerugian besar merentasi semua bidang yang dicatatkan dalam November. Langkah yang diambil oleh China untuk memotong nisbah keperluan rizabnya untuk bank buat pertama kali semenjak tahun 2008 dan tindakan berkoordinat oleh enam daripada bank pusat dunia untuk memotong kos pendanaan bagi peminjam Eropah telah membantu meningkatkan pasaran. Suatu siri data ekonomi Amerika Syarikat yang menggalakkan telah meningkatkan optimisme dan mengurangkan kebimbangan bahawa krisis perhutangan Eropah akan menjejaskan perkembangan global.

Walaupun bagaimanapun, tahun tersebut ditandakan dengan ketidakpastian pasaran yang melampau di mana para pelabur menghayun di antara mod pengambilan risiko dan penghindaran risiko. MSCI Asia tidak termasuk Jepun mencatatkan suatu penurunan sebanyak 17.98%. India merupakan pasaran dengan prestasi yang paling teruk di mana prestasinya adalah di bawah negara serantaunya. Ini adalah akibat daripada isu-isu yang merangkumi inflasi, kekurangan tindakan polisi dan kelembapan ekonomi. Tekanan inflasi berterusan telah mencetuskan suatu siri peningkatan kadar oleh Reserve Bank of India. Akibatnya, angka perkembangan ekonomi telah diturunkan beberapa kali sepanjang tahun. Sebaliknya, pasaran ekuiti di Asia Tenggara seperti Malaysia, Filipina dan Indonesia di mana kadar inflasi adalah di bawah zon sasaran bank pusat mereka, telah muncul dengan prestasi yang amat baik.

## TINJAUAN PELABURAN

### ASIA

#### Tinjauan

Tahun 2012 telah bermula dengan beberapa prestasi pasaran yang menggalakkan, dicetuskan oleh data ekonomi Amerika Syarikat dan China yang lebih baik daripada yang dijangka. Walau bagaimanapun, ia mungkin terlalu awal untuk menyatakan bahawa mereka mewakili suatu trend. Faktor yang memarakan ketidaktentuan dalam tahun 2011 iaitu isu berdaulat dan perbankan Eropah serta kebimbangan mengenai perkembangan masih wujud - pada pelbagai tahap.

Penilaian ekuiti dalam banyak pasaran mencadangkan bahawa kebanyakan daripada berita kurang baik tidak diambil kira dalam penjualan pasaran dalam suku ketiga tahun 2011. Pada keseluruhannya, nilai kelihatan semakin ketara tetapi ini bukanlah tanpa risikonya. Faktor yang melemahkan keyakinan sepanjang beberapa tahun yang lepas masih boleh menyebabkan satu lagi penjualan.

Sebaliknya, Asia patut kekal bertahan dengan agak baik walau pun tidak terjejas oleh masalah ekonomi negara maju. Kami mempercayai keseimbangan terhadap potensi landasan sukar China adalah keterlaluan kerana rangka tindakan kerajaan bagi perkembangan masih berorientasikan peningkatan penggunaan dan ia mempunyai kuasa fiskal yang banyak untuk merangsangkan ekonomi jika perlu.

Manakala pasaran dijangka kekal tidak menentu, perkembangan ekonomi di rantau dijangka melampaui pasaran maju dalam jangka masa sederhana dan sejumlah besar syarikat Asia di mana pelaburan kami ditempatkan akan terus menikmati keadaan perniagaan yang baik. Oleh demikian, kami akan terus bertumpu pada pendekatan bawah ke atas untuk mencari saham kurang nilai

## TINJAUAN PELABURAN

### GLOBAL

#### Tinjauan Pasaran

Pasaran global menyaksikan ketidaktentuan dalam tahun 2011. Walaupun pasaran telah bermula dengan mantap pada awal tahun, ia telah dirempuh oleh harga minyak yang meningkat di persekitaran pergolakan politik di Afrika Utara dan Timur Tengah serta gempa bumi yang mengakibatkan kemusnahan dahsyat di Jepun.

Kekurangan haluan polisi sebagai tindak balas kepada krisis perhutangan Eropah telah menjejaskan dengan teruk sentimen di pasaran global. Penggubal polisi Eropah, dengan idea dan latar belakang yang bertentangan, berbelah bahagi terhadap cara untuk menyelesaikan krisis Zon Eropah.

Beban perhutangan berdaulat tidak terbatas kepada Eropah sahaja. Pada bulan Julai, kebuntuan politik mengenai peningkatan tahap maksimum perhutangan Amerika Syarikat hampir-hampir memaksa ekonomi terbesar dunia ke dalam keingkaran teknikal dan mendorong S&P untuk melucutkan penarafan AAA bagi negara tersebut. Walau bagaimanapun, suatu siri data ekonomi Amerika Syarikat yang menggalakkan mendorong optimisme dan mengurangkan kebimbangan buat sementara bahawa krisis perhutangan Eropah akan mengikis perkembangan global.

Ekuiti global berakhir pada penghujung tahun pada tahap lebih rendah dengan Indeks Dunia MSCI menurun sebanyak 7.62%. Secara am, pasaran maju seperti Amerika Syarikat telah mengatasi prestasi negara Asia.

#### Tinjauan

Risiko makro mungkin berterusan ke pasaran mengunjur dalam tahun 2012. Ketidaktentuan berterusan terhadap krisis perhutangan berdaulat Eropah, status ekonomi Amerika Syarikat dan kadar perkembangan ekonomi di China mencadangkan bahawa data yang akan datang dan pengaliran berita lain masih boleh menyebabkan ketidaktentuan yang besar dalam pasaran.

Isu perhutangan berstruktur dan penyekatan fiskal dalam ekonomi Negara Barat dijangka akan menjadi halangan kepada perkembangan global. Keadaan di Eropah tidak menunjukkan tanda ketara untuk sebarang penyelesaian yang pantas dan telus bagi krisis perhutangan berdaulatnya. Suatu proses yang panjang dijangka kerana kebuntuan politik mungkin memberi halangan kepada sebarang tindakan polisi yang tegas dan bersepadu.

Namun demikian, adalah di luar jangkaan bahawa data ekonomi terutamanya dari Amerika Syarikat dan China berada pada tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun, adalah terlalu awal untuk memutuskan bahawa kedua-dua negara ini mewakili suatu trend.

Adalah besar kemungkinan bahawa tindakan polisi akan terbukti lebih penting daripada sebelum ini untuk mendorong harga dan penilaian aset; bukan hanya di Eropah atau Amerika Syarikat tetapi juga kedudukan polisi kewangan di negara-negara baru muncul.

Bersandarkan latar belakang ini, Pengurus Dana akan terus bertumpu pada pendekatan bawah ke atas untuk mencari saham kurang nilai.

## SOROTAN KEWANGAN

### Jadual Bandingan Prestasi

untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011

#### TAKAFULINK DANA EKUITI

Kategori	2011 %	2010 %	2009 %	2008 %	2007 %
<b>Ekuiti</b>					
Bahan Pembinaan	<b>0.27</b>	2.24	2.73	1.20	6.77
Konglomerat	<b>5.93</b>	9.37	13.30	10.86	13.15
Pembinaan	<b>5.09</b>	13.72	7.98	8.43	8.47
Produk Konsumer	<b>3.01</b>	1.55	2.89	2.25	1.55
Kewangan	–	0.30	0.28	–	–
Industri	<b>4.68</b>	2.66	5.58	2.39	3.66
Media	–	0.90	0.25	1.25	3.14
Motor	–	1.91	1.45	1.66	3.76
Minyak & Gas	<b>22.50</b>	11.86	4.76	6.21	10.24
Perladangan	<b>10.39</b>	13.16	14.67	8.44	6.57
Kuasa	<b>0.92</b>	8.41	10.41	8.52	7.04
Hartanah	<b>3.38</b>	4.90	4.77	2.07	5.30
Teknologi	–	2.25	0.60	–	3.31
Telekomunikasi	<b>23.85</b>	16.72	12.49	10.64	4.35
Pembalakan	–	–	–	–	0.41
Pengangkutan	<b>3.82</b>	6.56	3.07	4.24	4.37
Air	–	0.15	0.49	1.08	2.07
	<b>83.84</b>	96.66	85.73	69.25	84.16
<b>Tunai dan Deposit</b>	<b>17.03</b>	4.01	15.38	28.86	18.63
<b>Lain Aset</b>	<b>0.49</b>	0.71	0.75	2.35	(0.01)
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>(1.36)</b>	(1.37)	(1.85)	(0.46)	(2.78)
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	100.01	100.00	100.00	100.00



## SOROTAN KEWANGAN

### Jadual Bandingan Prestasi

untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011


#### TAKAFULINK DANA EKUITI

Kategori	2011 %	2010 %	2009 %	2008 %	2007 %
